



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KENYATAAN MEDIA

KUD@KOTA SAMARAHAN CATAT JUALAN LEBIH RM 1.25 JUTA

KOTA SAMARAHAN, 4 Februari - Karnival Usahawan Desa (KUD) edisi pertama tahun ini di Kota Samarahan telah mencatat transaksi jualan mencecah **RM 1.25 juta** dengan kehadiran **68 ribu** pengunjung sepanjang empat hari penganjurannya.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, KKDw Datuk Hajah Rubiah Hj Wang berkata KUD satu platform bagi mempromosi kemudahan serta insentif disediakan Kementerian dalam membantu perkembangan perniagaan usahawan luar bandar.

“Mini KUD@Kota Samarahan pada awalnya menetapkan sasaran seramai 30,000 pengunjung dengan nilai transaksi jualan berjumlah RM300,000.00

Tambahnya, salah satu elemen penting turut menjadi fokus KKDw selain pembangunan infrastruktur dan pendidikan adalah keusahawanan sebagai pemacu pembangunan ekonomi luar bandar

“Mini KUD ini juga menjadi platform bagi para usahawan tempatan dari seluruh negeri ini mempromosikan produk masing-masing, hasil bimbingan daripada agensi-agensi dibawah KKDw”

Datuk Rubiah berkata demikian selepas penyampaian hadiah utama cabutan bertuah kepada pemenang Motosikal Honda Dash 125 kepada **Muzaidi bin Mahrop, 28 tahun dari Mukah hari ini.**

Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KKDw, Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan.

Tambah beliau, Kementerian mempunyai banyak program untuk meningkatkan prestasi usahawan serta taraf ekonomi serta melahirkan lebih ramai usahawan luar bandar yang menceburi perniagaan yang lebih berdaya maju.

Kementerian juga katanya menyediakan platform pengiklanan dan memastikan mereka didedahkan kepada teknologi baharu perniagaan, khususnya pendigitalan.

Mini KUD@Kota Samarahan ini juga untuk mendedahkan usahawan desa kepada sistem perniagaan yang lebih baik serta terancang yang mampu meningkatkan pendapatan sekali gus membangunkan ekonomi masyarakat luar bandar.

“Bila usahawan berjaya, bukan sahaja produk yang laris tetapi pada masa yang sama padanan kerja dapat dibuat, masyarakat di sekitarnya mendapat peluang pekerjaan daripada usahawan yang telah kami hasilkan.”

Lebih 100 usahawan luar bandar sekitar Sarawak menyertai karnival empat hari yang bermula Khamis lepas.

Kebanyakan usahawan yang terlibat adalah dalam kategori makanan dan minuman, pakaian, kecantikan dan kesihatan, kraftangan dan produk pertanian.

KUD@Kota Samarahan juga melibatkan pameran KKDW dan agensi yang memfokuskan kepada keusahawanan, pendidikan, TVET@KKDW dan penawaran kemudahan pembiayaan perniagaan.

-Tamat-

Disediakan Oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
4 Februari 2024